

## PEKELILING NAIB CANSOLOR

**Bilangan 04 Tahun 2017**

### **PENGUATKUASAAN SEMULA PELAKSANAAN DASAR LATIHAN 42 JAM BAGI STAF UiTM**

#### **TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan warga UiTM berkenaan penguatkuasaan semula pelaksanaan Dasar Latihan 42 jam setahun bagi setiap staf UiTM.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Pekeliling Naib Canselor Bil. 1/2010 yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2010 telah memaklumkan penerimaan pakai Manual Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam 2009 yang menetapkan staf UiTM dikehendaki menjalani latihan sekurang-kurangnya 42 jam setahun mengikut pecahan berikut :
  - i. 15 jam untuk latihan kompetensi umum;
  - ii. 15 jam untuk latihan kompetensi khusus; dan
  - iii. 12 jam untuk latihan ICT.
3. Walau bagaimanapun, Pekeliling Naib Canselor Bil. 09 Tahun 2016, bertarikh 3 Januari 2017 telah menangguhkan penguatkuasaan pelaksanaan Dasar Latihan 42 jam di UiTM dengan merujuk kepada surat Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), rujukan JPA(IS.175/4/1-1) bertarikh 29 Februari 2016 yang memaklumkan mengenai penangguhan pelaksanaan dasar berkursus selama 42 jam setahun bagi semua anggota perkhidmatan awam selaras dengan langkah mengoptimumkan perbelanjaan agensi-agensi Kerajaan,

## PENGUATKUASAAN SEMULA PELAKSANAAN DASAR LATIHAN

4. Mesyuarat Lembaga Pengarah ke-156 bertarikh 14 Mac 2017 telah membuat ketetapan supaya syarat pencapaian jam latihan tahunan sebanyak **42 jam dikekalkan** kepada semua staf UiTM.
5. Sehubungan dengan itu, semua staf UiTM yang berstatus aktif dan berkhidmat sembilan (9) bulan dan ke atas dalam tempoh satu (1) tahun kalendar adalah tertakluk kepada ketetapan menghadiri 42 jam latihan setahun.
6. Keputusan ini dibuat berdasarkan keperluan staf untuk dilatih dari semasa ke semasa mengikut keperluan kompetensi yang diperlukan supaya staf mampu melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan cemerlang.
7. Program latihan yang boleh direkodkan sebagai jam latihan tahunan seperti :
  - i. Kursus;
  - ii. Seminar/ Konvensyen/ Simposium/ Kolokium;
  - iii. Bengkel/ Forum;
  - iv. Lawatan Rasmi/ Korporat/ Sambil Belajar;
  - v. Klinik Kaunseling;
  - vi. Sesi Perkongsian Ilmu/ Program "Executive Talk"/ Perhimpunan Bulanan;
  - vii. Program Penerapan Nilai-nilai Murni (Tazkirah);
  - viii. Program Sambutan / Perayaan yang mengandungi ucapan/ ceramah/ forum;
  - ix. Pertemuan Mentor – Mentee/ Sesi Kaunseling;
  - x. Sesi Perbincangan/ Perkongsian Idea Pengurusan Tertinggi/ Tetamu Jemputan Khas; dan
  - xi. Latihan dalam talian : *i-Training* (<http://ilearnapp.uitm.edu.my>)

*Sumber : Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2005*

8. Oleh kerana Pusat Tanggung Jawab (PTJ) lebih mengetahui akan keperluan latihan dan pembangunan serta yang berkaitan dengan bidang profesional staf masing-masing, setiap PTJ diminta merancang dan seterusnya melaksanakan sehingga 60% daripada latihan staf masing-masing diperingkat PTJ. Manakala Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD) pula akan mengendalikan program yang berbentuk mandatori PTJ dan program "Training of Trainers" serta membangunkan pelbagai modul latihan bagi membolehkan staf yang dilatih di ILD ini diberi peranan untuk melatih dan membangunkan staf di PTJ masing-masing.


9. Ketua PTJ diminta merancang program latihan di PTJ masing-masing secara lebih berhemah dan Penyelaras Latihan di PTJ diminta memastikan staf yang menghadiri semua latihan dan program pembangunan staf seperti yang dicatatkan pada Perkara 7, dikemaskini ke dalam Sistem e-Latihan bagi merekodkan jam latihan setiap staf dan juga untuk tujuan pemantauan oleh pengurusan universiti.

#### **TARIKH DIKELUARKAN**

10. Pekeliling dikeluarkan pada **01 Julai 2017**.

#### **TARIKH KUATKUASA**

11. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.



**PROFESOR EMERITUS DATO' DR HASSAN SAID**

Naib Canselor

*Dikelilingkan Kepada :*

*Semua Timbalan Naib Canselor  
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Pusat / Unit  
Semua Dekan-Dekan Fakulti  
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri  
Semua Penolong Rektor Kampus Negeri*

*Bil. Fail : 100-HEA(ILD 6/7)  
No Siri :100-UiTM (NC 6/2)*